

**KERTAS 1****9.1 Latar Belakang Dasar Luar**

- 1** Antara berikut, pihak yang manakah menjalinkan hubungan perdagangan dengan Kesultanan Melayu Melaka?
- I Pegu
  - II Siam
  - III Makassar
  - IV Hadhramaut
- A** I dan II  
**B** I dan IV  
**C** II dan III  
**D** III dan IV
- 2** Siapakah yang mengawal hal ehwal luar negeri Melayu, NNS, Sarawak dan Sabah semasa zaman British?
- A** Gabenor Jeneral
  - B** Majlis Raja-Raja
  - C** Kerajaan Tanah Melayu
  - D** Pejabat Tanah Jajahan di London

Buku  
Teks  
m/s  
194

Buku  
Teks  
m/s  
195

- 3** Kesultanan Melayu Melaka mempunyai hubungan yang erat dengan pelbagai kerajaan di rantau atau di luar Alam Melayu. Antara berikut, yang manakah kepentingan hubungan luar Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15?
- I Melindungi kepentingan nasional
  - II Menghadapi cabaran politik, ekonomi dan sosial
  - III Menjamin kestabilan dan keselamatan kerajaan
  - IV Mengekalkan penguasaan terhadap aktiviti perdagangan
- A** I dan II  
**B** I dan IV  
**C** II dan III  
**D** III dan IV

Buku  
Teks  
m/s  
195

**9.2 Asas Penggubalan Dasar Luar**

- 4** Apakah matlamat penggubalan dasar luar Malaysia?  
 A Mencari kepentingan individu  
 B Mempertahankan maruah negara  
 C Memupuk hubungan baik dengan negara luar  
 D Bersaing dengan negara maju dalam bidang ekonomi

Buku Teks m/s 196

**9.3 Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)**

- 5** Apakah kandungan Piagam PBB?  
 I Konsep menghormati kedaulatan wilayah negara lain  
 II Tidak campur tangan dalam urusan hal ehwal negara lain  
 III Campur tangan hal ehwal negara lain  
 IV Menentang kekerasan terhadap negara lain  
 A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

Buku Teks m/s 198

- 6** Antara berikut, negara yang manakah mempunyai kuasa pembatal (kuasa veto) dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)?  
 I Rusia  
 II China  
 III Jerman  
 IV Australia  
 A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

Buku Teks m/s 199

- 7** Maklumat berikut merupakan antara misi pengaman anjuran PBB di negara yang berkonflik yang disertai oleh Malaysia.

Buku Teks m/s 200

United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL) dari tahun 2007 hingga kini

Apakah peranan misi pengaman tersebut?

- A Membantu pelarian  
 B Menghantar bantuan makanan  
 C Memastikan keselamatan penduduk  
 D Membantu aspek pendidikan negara luar

- 8** Malaysia turut terlibat dalam misi pegawai pemerhati di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di negara yang menghadapi konflik.

Buku Teks m/s 202

Antara berikut, misi yang manakah disertai oleh Malaysia dari tahun 1991 hingga tahun 1995?

- A United Nations Operation in Mozambique (ONUMOZ)  
 B United Nations Observer Mission in Liberia (UNOMIL)  
 C United Nations Angola Verification Mission (UNAVEM II)  
 D United Nations Advance Mission in Cambodia (UNAMIC)

**9.4 Malaysia dalam Komanwel**

- 9** Pada tahun 1989, Malaysia dipilih menjadi tuan rumah bagi suatu persidangan. Apakah persidangan tersebut?

Buku Teks m/s 207

- A Sukan Komanwel  
 B Mesyuarat Ketua-ketua Negara Komanwel  
 C Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN  
 D Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN

**9.5 Cabaran Mengukuhkan Dasar Luar**

- 10** Salah satu cabaran bagi mengukuhkan dasar luar Malaysia ialah cabaran keselamatan dan pertahanan.

Buku Teks m/s 209

Apakah yang dilakukan oleh Malaysia bagi menangani isu keselamatan dengan Thailand pada tahun 1965?

- A Menamatkan perjanjian  
 B Bekerjasama dengan negara ASEAN  
 C Menandatangani perjanjian sempadan  
 D Menandatangani Perjanjian Pertahanan Lima Negara

**9.6 Malaysia dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)**

- 11** Apakah X dalam Rajah 1?

Buku Teks m/s 210

X

Diwujudkan bagi menyelesaikan isu pembentukan Malaysia

Rajah 1

- A ASA  
 B ASEAN  
 C ZOPFAN  
 D MAPHILINDO

- 12** ASEAN ditubuhkan pada 8 Ogos 1967.  
Apakah tujuan penubuhan ASEAN?  
**A** Menjalin kerjasama pertahanan  
**B** Menstabilkan harga komoditi hasil minyak  
**C** Menangani masalah kemiskinan negara anggota  
**D** Meningkatkan semangat setia kawan dan keserantauan

### 9.7 Malaysia dalam Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM)

- 13** Apakah matlamat penubuhan Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM)?  
**A** Mengekalkan keamanan dunia  
**B** Meningkatkan perhubungan sosiobudaya  
**C** Mengekalkan hubungan baik antara negara Islam  
**D** Mengeratkan hubungan antara negara di dunia
- 14** Antara berikut, yang manakah peranan Malaysia dalam Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM)?  
**I** Mempromosikan konsep integrasi ekonomi  
**II** Perantara menyelesaikan konflik Iran-Iraq  
**III** Melaksanakan dasar aman dan berkecuali  
**IV** Tuan rumah Sidang Kemuncak NAM  
**A** I dan II  
**B** I dan IV  
**C** II dan III  
**D** III dan IV

### 9.8 Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)

- 15** Gambar berikut menunjukkan logo Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).



ORGANISATION OF ISLAMIC COOPERATION

- Mengapakah OIC ditubuhkan?  
**A** Memperjuangkan kepentingan umat Islam  
**B** Mencapai kemerdekaan bagi negara anggota  
**C** Meningkatkan semangat setia kawan dan keserantauan  
**D** Mengekalkan keamanan dunia tanpa menyokong Blok Timur atau Blok Barat

- 16** Apakah tugas utama tokoh berikut dalam pelibatan Malaysia dalam OIC?

Buku Teks m/s 214



Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj

- A** Menjadi Pengerusi OIC yang pertama  
**B** Memastikan masyarakat Islam di seluruh dunia patuh ajaran Islam  
**C** Memastikan masyarakat Islam di seluruh dunia mendapat pembelaan  
**D** Mempengerusikan Kongres yang pertama Islam Sedunia Rantau Asia Tenggara
- 17** Malaysia sering berhadapan dengan tohmahan yang melanda masyarakat Islam kerana sering dikaitkan dengan 3K. Apakah 3K tersebut?  
**I** Kekayaan  
**II** Keganasan  
**III** Kemunduran  
**IV** Kesengsaraan  
**A** I dan II  
**B** I dan IV  
**C** II dan III  
**D** III dan IV

Buku Teks m/s 215